

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN**  
**TARIKH: 17 JUN 2014 (AHAD)**

<b>Bil</b>	<b>Tajuk</b>	<b>Akhbar</b>
1	Syarikat milik kerajaan rugi berturut-turut	Sinar Harian
2	Program komputer awan untuk PKS di Taman Teknologi Park	Bernamea.com
3	Cuaca panas petanda El Nino	Utusan Malaysia
4	Pembentukan fenomena El Nino kini di tahap 65 hingga 80 peratus	Kosmo
5	Angin kencang, laut bergelora dijangka berterusan sehingga esok	Bernamea.com
6	Tolak projek risiko tinggi	Harian Metro
7	Prosedur JAKIM tentukan halal sangat teliti	Bernamea.com

**KERATAN AKHBAR**  
**SINAR HARIAN : MUKA SURAT 03**  
**TARIKH: 17 JUN 2014 (SELASA)**

## Syarikat milik kerajaan rugi berturut-turut

**JADUAL 14.1**  
**PENYATA PENDAPATAN KOMPREHENSIF INNO BIOLOGICS SDN. BHD.**  
**BAGI TAHUN KEWANGAN 2010, 2011 DAN 2012**

BUTIRAN	2010 (RM JUTA)	2011 (RM JUTA)	2012 (RM JUTA)
<b>PENDAPATAN</b>	<b>2.40</b>	<b>2.96</b>	<b>0.35</b>
<b>KOS JUALAN</b>	<b>(6.21)</b>	<b>(8.37)</b>	<b>(5.70)</b>
<b>PENDAPATAN KASAR</b>	<b>(3.81)</b>	<b>(5.41)</b>	<b>(5.35)</b>
<b>PENDAPATAN LAIN</b>	<b>0.03</b>	<b>0.07</b>	<b>0.09</b>
<b>BELANJA PENTADBIRAN</b>	<b>(20.90)</b>	<b>(17.84)</b>	<b>(17.70)</b>
<b>UNTUNG/(RUGI) OPERASI</b>	<b>(24.68)</b>	<b>(23.18)</b>	<b>(22.96)</b>
<b>KOS KEWANGAN</b>	<b>(1.05)</b>	<b>(4.00)</b>	<b>(2.85)</b>
<b>UNTUNG/(RUGI) SEBELUM CUKAI</b>	<b>(25.73)</b>	<b>(27.18)</b>	<b>(25.81)</b>
<b>BELANJA CUKAI</b>	-	-	-
<b>UNTUNG/(RUGI) SELEPAS CUKAI</b>	<b>(25.73)</b>	<b>(27.18)</b>	<b>(25.81)</b>

*Sumber: Penyata Kewangan Inno Biologics Sdn. Bhd. Tahun 2010, 2011 dan 2012 Yang Diaudit*

**SHAH ALAM** – Syarikat Inno Biologics Sdn. Bhd. (IBL) yang diperbadankan dan dikawal selia oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (Mosti) rugi tiga tahun berturut-turut.

Laporan Ketua Audit Negara Siri 2 memaklumkan, syarikat yang dipantau Kementerian Kewangan itu telah memperoleh geran daripada Kerajaan Persekutuan sebanyak RM93 juta.

Menurutnya, IBL merupakan penggerak operasi utama dalam kumpulan penuh Inno Bio Ventures Sdn. Bhd. (IBV) yang berperanan sebagai entiti penyelidikan tertumpu kepada biofarmaseutikal dan antibodi monoklonal berasaskan kultur sel mamalia menerusi kerjasama syarikat pengilang kontrak (CMO).

“Pengauditan yang dijalankan antara bulan November 2013 hingga Januari 2014 mendapati, IBL mengalami kerugian selepas cukai bagi tempoh 2010 hingga 2012 iaitu RM25.73 juta pada 2010, RM27.18 juta pada 2011 dan RM25.81 juta pada tahun 2012.

“Walaupun, IBL berjaya menyelesaikan dua kontrak pengilangan dengan nilai kontrak keseluruhan berjumlah RM5.49 juta dan aktiviti penyelidikan dan latihan dalam bidang bioteknologi menunjukkan peningkatan hasil sebanyak RM0.25 juta bagaimanapun, masih terdapat se-

jumlah RM2.68 juta tunggakan bayaran kontrak daripada pelanggan,” kata laporan itu.

Selain itu, laporan tersebut turut menemui pembelian dua set Liquid Chromotography Tandem Mass Spectrometer (LCMS/MS) System berjumlah RM1.97 juta pada 2009 tidak digunakan secara optimum.

Laporan itu menyebut, dari segi pengurusan kewangan dan tadbir urus korporat adalah memuaskan, namun tiada manual proses kerja bagi pengurusan aset IBL serta kekerapan mesyuarat Lembaga Pengarah adalah tidak mematuhi amalan terbaik yang digariskan dalam GLC Transformation Manual: The Green Book-Enhancing Board Effectiveness (antara 6 - 8 kali setahun).

Menerusi maklum balas IBL pada 18 April 2014, pihak syarikat menjelaskan bahawa model perniagaan IBL adalah bersandarkan kepada perkhidmatan kontrak pengilang.

“Model perniagaan ini tidak dapat bertahan untuk jangka masa panjang berdasarkan kepada cabaran yang dihadapi syarikat. Pengurusan semasa merasakan sudah sampai masanya untuk IBL merombak model perniagaan agar syarikat boleh berdaya saing di masa yang akan datang,” kata laporan itu.



## Program Komputer Awan Untuk PKS Di Taman Teknologi Malaysia

KUALA LUMPUR, 16 Jun (Bernama) -- Program lima hari bagi menggalak perusahaan kecil dan sederhana (PKS) mengguna pakai aplikasi pemasaran dan promosi mudah alih terkini akan diadakan di Taman Teknologi Malaysia mulai 18 Jun ini.

Dikenali sebagai Program Mengguna Pakai Pengkomputeran Awan PKS 2014, acara itu adalah anjuran bersama Technology Park Malaysia Corporation Sdn Bhd (TPM) dan SME Cloud Sdn Bhd, sebagai sebahagian daripada inisiatif Tahun Pengkomersilan 2014 Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi.

Ketua Pegawai Eksekutif SME Cloud, Firdaus Ismail, berkata kira-kira 1,500 PKS dijangka menyertai acara berkenaan.

"Awan syarikat saya berasaskan platform aplikasi mudah alih SMEAPPZ.COM, yang menyediakan penglihatan seragam pada aplikasi mudah alih Android dan iOS," katanya.

Acara itu diadakan sempena seminar Multimedia Development Corporation Bhd (MDeC) dan Digital Malaysia Shared Cloud Enterprise Service (SCES).

Di bawah seminar MDeC, PKS boleh menuntut balik bayaran sehingga maksimum RM750 untuk melanggan sebarang penyelesaian Perisian Sebagai Satu Perkhidmatan (SaaS) daripada Vendor Perisian Bebas yang diluluskan.

Peserta seminar setengah hari itu boleh melanggan penyelesaian SaaS yang dibangunkan SME Cloud Sdn Bhd dengan bayaran RM750 setiap satu, yang mana mereka akan dibayar balik dalam masa 30 hari.

Sementara itu, SME Cloud Sdn Bhd akan menawarkan dua pakej, iaitu RM750 untuk pakej asas dan RM1,000 untuk pakej pro.

Permohonan untuk seminar MDeC SCES di acara itu dihadkan kepada 1,500 PKS berdasarkan siapa dahulu.

# Cuaca panas petanda El Nino

## MetMalaysia pantau suhu meningkat sepanjang masa

Oleh Suraya Rostan  
surayarostan@hmetro.com.my  
Kuala Lumpur

Cuaca panas sejak beberapa minggu dijangka berakhir September ini dan ia sebahagian proses pembentukan fenomena El Nino.

Ketua Pengarah Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia) Datuk Che Gayah Ismail berkata, purata suhu di kebanyakan tempat masih kekal pada paras normal, dengan tertinggi mencecah 35 darjah Celsius terutama di

Kuala Lumpur, Selangor, Putrajaya, Negeri Sembilan, Perak, Pulau Pinang dan Perlis.

Katanya, Monsun Barat Daya yang bermula sejak 15 Mei lalu turut menyumbang kepada peningkatan suhu.

"El Nino terjadi apabila berlaku peningkatan suhu lebih tinggi daripada biasa di permukaan Lautan Pasifik berdekatan Garisan Khatulistiwa iaitu melebihi 0.5 darjah Celsius.

"Kita kini mengalami musim kering disebabkan Monsun Barat Daya dan ini bukan



CHE Gayah

faktor berlakunya El Nino kerana peningkatan suhu serta musim kering memang

akan berlaku pada musim ini.

"Dalam tempoh ini, taburan hujan berkurangan secara mendadak dan ini menyebabkan cuaca menjadi panas," katanya di sini, semalam.

Beliau juga memberi amaran peningkatan suhu yang menyebabkan kekerangan melampau boleh membawa kepada ancaman jerebu.

"Kebiasaannya, musim Monsun Barat Daya akan menyebabkan berlakunya kebakaran hutan di Sumatera dan Semenanjung Ma-

laysia, sekali gus akan menyebabkan berlakunya jerebu.

"Keadaan akan menjadi buruk sekiranya negara dilanda El Nino dalam kategori kuat yang boleh menyebabkan jerebu teruk dan tebal. Ini akan memberi kesan terutama kepada kesihatan, sektor pertanian, sektor pernerbangan dan aktiviti luar," katanya.

Beliau berkata, MetMalaysia memantau peningkatan suhu sepanjang masa dan akan mengambil tindakan termasuk melakukan pem-

benihan awan sekiranya keadaan memerlukan.

Cuaca paling panas yang pernah direkodkan di negara ini ialah 40.1 darjah Celsius iaitu ketika El Nino pada 9 April 1998 di Chuping, Perlis.

Sementara itu, Ketua Pengarah Jabatan Alam Sekitar (JAS) Datuk Halimah Hassan berkata, pelbagai langkah persediaan sedang dilakukan kini bagi mengekang kebakaran hutan, sekali gus menyebabkan jerebu.

"Kita juga akan memperingkatkan penguatkuasaan dan mengambil tindakan terhadap mereka yang melakukan pembakaran terbuka," katanya.

**FAKTA**  
Cuaca panas  
dijangka  
berakhir  
September

## Pembentukan fenomena El Nino kini di tahap 65 hingga 80 peratus

KUALA LUMPUR - Cuaca panas dan kering yang melanda negara sejak beberapa hari lalu bukannya berpunca daripada fenomena El Nino, sebaliknya peralihan monsun barat daya.

Ketua Pengarah Jabatan Meteorologi Malaysia, Datuk Che Gayah Ismail berkata, fenomena tersebut dijangka berterusan sehingga September dengan rekod tertinggi dicatatkan setakat ini

ialah 35 darjah Celsius.

Bagaimanapun beliau berkata, proses pembentukan fenomena El Nino kini di tahap 65 hingga 80 peratus.

"Cuaca panas dan kering ketika ini adalah perkara biasa yang berpunca daripada peralihan monsun barat daya.

"Sehingga semalam, suhu purata yang dicatatkan di seluruh negara masih pada paras normal

iaitu di antara 32 hingga 35 darjah Celsius," katanya ketika dihubungi *Kosmo!* semalam.

Beliau menjelaskan, buat masa ini fenomena El Nino ini masih dalam proses pembentukan dan dijangka berlaku di antara Jun hingga Ogos.

"Fenomena El Nino semakin meningkat tetapi kita tak boleh putuskan bahawa ia sudah berlaku di negara ini," katanya.

BERITA ONLINE  
BERNAMA.COM  
TARIKH: 17 JUN 2014 (SELASA)



## Angin Kencang, Laut Bergelora Dijangka Berterusan Sehingga Esok

KUALA LUMPUR, 16 Jun (Bernama) -- Angin kencang barat daya dan laut bergelora dijangka berterusan di kawasan perairan Langkawi, Perlis, Kedah, Pulau Pinang dan Sabah (Pantai Barat dan Kudat) sehingga Selasa.

Jabatan Meteorologi Malaysia dalam kenyataan hari ini berkata keadaan sama juga diramal berlaku di kawasan perairan Selat Melaka Utara, Samui, Condore, Reef North, Layang-layang dan Palawan.

Angin kencang barat daya berkelajuan antara 40 dan 50 kilometer sejam dengan ketinggian ombak sehingga 3.5 meter di kawasan itu berbahaya kepada bot kecil, rekreasi serta sukan laut.

Kenyataan yang sama memberi amaran ribut petir menyeluruh di perairan Sarawak melibatkan kawasan Miri, Bintulu dan Mukah, manakala di Sabah membabitkan kawasan Pedalaman dan Sandakan dijangka berterusan sehingga lewat pagi Isnin.

Kawasan perairan Condore, Reef South, Reef North, Layang-layang dan Sulu turut diramal mengalami keadaan serupa.

Keadaan itu boleh mengakibatkan angin kencang sehingga 50 kilometer sejam serta laut bergelora dengan ketinggian ombak mencecah 3.5 meter dan berbahaya kepada bot-bot kecil.

-- BERNAMA

SIDANG DUN SELANGOR

# Tolak projek risiko tinggi

## ■ Kerajaan negeri tidak izinkan industri guna bahan radioaktif, nuklear

Oleh Nur Saliawati Salberi  
hmetroshahalam@hmetro.com.my

**K**erajaan negeri tetap dengan pendirian tidak akan membenarkan sebarang pembangunan industri yang menggunakan bahan radioaktif dan nuklear dilaksanakan di negeri itu.

Perkara itu dinyatakan Pengerusi Jawatankuasa Tetap Pelaburan Perindustrian dan Perdagangan, Pembangunan Kampung Baru dan Pemutihan Kilang Haram negeri Ean Yong Hian Wah, yang memaklumkan setiap projek menggunakan bahan radioaktif dan nuklear perlu mendapat penilaian awal tapak dan kesan alam sekitar

daripada Jabatan Alam Sekitar selain syarat perancangan pembangunan daripada pihak berkuasa tempatan (PBT).

Menurutnya, kerajaan negeri menggariskan dalam strategi pembangunan industri di Selangor yang menggalakkan sektor industri berasaskan pengetahuan, berintensifkan modal dan mesra alam.

"Dalam usaha menarik

pelabur ke Selangor, kerajaan negeri sentiasa menggalakkan projek pelaburan yang tidak mencemarkan alam sekitar

serta yang tidak membahayakan keselamatan penduduk di negeri ini.

"Jika ada projek yang melibatkan penggunaan bahan radioaktif dan nuklear, ia perlu mendapat kelulusan daripada Lembaga Pelesenan Tenaga Atom," katanya pada sidang

**FAKTA**  
Setiap projek perlu penilaian awal tapak, kesan alam sekitar

Dewan Undangan Negeri (DUN) Selangor, semalam.

Beliau berkata demikian ketika menjawab pertanyaan Gan Pei Nei (PKR-Rawang) yang ingin mengetahui sama ada kerajaan negeri membenarkan pembangunan industri yang menggunakan bahan radioaktif dan nuklear serta syarat kelulusan jika ada.

Menurutnya, sehingga kini, belum ada industri yang menggunakan bahan radioaktif atau bahan nuklear secara langsung yang diluluskan di Selangor.



## Prosedur Jakim Tentukan Halal Sangat Teliti



Datuk Othman Mustapha

Oleh Norshazlina Nor'azman

KUALA LUMPUR (Bernama) -- Insiden coklat Cadbury yang mulanya dikesan mengandungi Asid Deoksiribonukliek (DNA) babi oleh makmal Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), sebelum disahkan sebaliknya oleh Jabatan Kimia, benar-benar mencetuskan polemik di kalangan rakyat Malaysia, khususnya umat Islam.

Keputusan analisis Jabatan Kimia itu mewujudkan persoalan - mengapa analisis itu dijalankan sedangkan keputusan telah dikeluarkan oleh KKM terlebih dahulu. Mengapa tidak keputusan KKM itu yang digunakan?

Menurut Pengarah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia Datuk Othman Mustapha hanya keputusan Jabatan Kimia sahaja diperakui dalam Manual Prosedur Pensijilan Halal Malaysia (MPPHM), bahkan juga di mahkamah, memandangkan hanya Jabatan Kimia pakar untuk ujian berkenaan.

### AKREDITASI OLEH JABATAN STANDARD

Beliau berkata [makmal Jabatan Kimia](#) diwartakan sebagai makmal makanan yang kompeten dalam menjalankan analisis makanan selain mendapat akreditasi daripada [Jabatan Standard Malaysia](#) di bawah Skim Akreditasi Makmal Malaysia berdasarkan Standard MS ISO/IEC 17025: 2005 bagi pengujian DNA termasuk pengujian produk makanan diproses.

Katanya makmal KKM diberi akreditasi oleh Jabatan Standard hanya untuk membuat ujian terhadap produk berasaskan daging serta ikan dan bukan makanan yang telah diproses.



Othman menjelaskan ujian yang dilakukan oleh KKM itu adalah ujian yang dibuat terhadap sampel dari pasaran semata-mata, yang mungkin boleh terdedah kepada pencemaran.

Katanya sampel makanan bukan sahaja perlu diambil di kilang iaitu bermula daripada ia mula diproses, tetapi juga seluruh rangkaian pengeluaran produk berkenaan termasuk setiap bahan mentah, aliran pemprosesan, penyimpanan, mesin dan peralatan yang digunakan.

"Analisis bagi menentukan halal haram bukannya mudah... masyarakat mungkin nampak ia sangat mudah, seolah-olah letak makanan atas piring mikroskop terus nampak ada DNA atau tidak.

"Sedangkan ia sangat teknikal dan memerlukan penelitian serta prosedur yang ketat, selari dengan konsep dari 'ladang ke atas meja' bagi memastikan tidak ada proses yang terlepas pandang," katanya dalam wawancara di pejabatnya di Putrajaya baru-baru ini.

### **AUDIT DENGAN TELITI**

Bagaimana proses permohonan sijil halal dijalankan bagi memastikan yang benar-benar halal sahaja memperoleh sijil berkenaan?

Othman berkata pemohon perlu mengisi borang permohonan secara online melalui sistem e-Halal sebelum permohonan itu diproses dengan teliti.

Katanya mereka perlu mengisytihar semua produk dan bahan ramuan yang digunakan termasuk pembekal untuk setiap bahan dan juga status sama ada bahan yang digunakan itu mempunyai pensijilan halal atau tidak.

"Sekiranya setiap bahan mentah dan ramuan yang digunakan itu telah mendapat sijil halal daripada Jakim atau badan luar negara yang diiktiraf, mereka boleh gunakan sijil itu sebagai sokongan.

"Kita sangat teliti. Kalau kita ada keraguan terhadap bahan itu, kita akan ambil sampel dan hantar ke Jabatan Kimia dahulu semasa audit sebelum kita beri kelulusan," katanya.

Beliau berkata audit juga akan dibuat di kilang pemprosesan bagi memastikan aspek halal lain turut dipatuhi.

"Bahan ramuan akan diperiksa sama ada sama dengan yang diisytihar termasuk memeriksa invoice pembelian dan bukti-bukti pembelian serta bukti penggunaan produk itu.

"Proses pembuatan produk turut ditekankan termasuk aliran pemprosesan, peralatan, kebersihan persekitaran dan pekerja," katanya.

### **PEMERIKSAAN MENGEJUT**

Othman berkata Jakim juga mewajibkan setiap syarikat multinasional untuk mempunyai sistem jaminan halal atau eksekutif halal dalaman bagi memantau sendiri perjalanan kilang sentiasa mengikut pematuhan halal.

"Kita juga bersetuju agar syarikat membuat pemantauan dalaman sendiri dengan mengambil sampel bahan ramuan dan hantar ke makmal yang diakreditasi untuk kepastian mereka," katanya.

Beliau berkata selepas sijil halal diperoleh, pemeriksaan pemantauan secara mengejut akan dibuat di premis berkenaan sekurang-kurangnya sekali setahun.

Pemantauan mengejut akan dilakukan lebih daripada sekali dalam setahun terhadap syarikat yang berisiko tinggi iaitu produk yang berasaskan daging dan ayam, minyak dan lemak, rumah sembelih, tiada sistem kawalan halal, tiada eksekutif halal dan Jawatankuasa Halal Dalam, dan

Sekiranya aduan awam diterima, beliau berkata Jakim bersama agensi penguatkuasa berkaitan seperti Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK), KKM, Jabatan Perkhidmatan Veterinar, Kastam Diraja Malaysia dan pihak berkuasa tempatan akan membuat serbuan mengejut.

"Pemantauan susulan iaitu pemeriksaan verifikasi turut dibuat sekiranya tindakan pembetulan diambil oleh syarikat gagal mematuhi MPPHM," katanya.

### **KATEGORI KESALAHAN**

Beliau berkata terdapat tiga kategori kesalahan utama di bawah MPPHM iaitu kesalahan kecil, kesalahan besar dan kesalahan serius yang boleh dikenakan tindakan termasuk penarikan balik sijil halal.

Antara kesalahan kecil yang melibatkan teknikal boleh diberi amaran dan arahan pembetulan seperti kesalahan seperti kebersihan premis, peralatan, pekerja dan persekitaran, kawalan makhluk perosak serta lain-lain kesalahan berkaitan kebersihan dan sanitasi.

Kesalahan besar yang dilakukan pula boleh mengakibatkan tindakan penggantungan sijil halal atau sekiranya diputuskan oleh Panel Pengesahan Halal Malaysia, sijil halal syarikat berkenaan boleh ditarik balik.

Katanya antara kesalahan termasuklah perubahan dan penambahan pembekal atau pengeluar yang tidak mendapat pengesahan halal dari Jakim, Jabatan Agama Islam Negeri, Majlis Agama Islam Negeri atau daripada badan pensijilan halal yang diiktiraf selain menggunakan logo halal Malaysia pada produk yang tidak mendapat sijil halal Malaysia.

Selain itu, pemalsuan sijil halal atau penyalahgunaan logo halal, memberi pinjam atau serah sijil halal asal kepada premis atau syarikat lain, ubahsuai maklumat yang terdapat pada sijil halal dan menukar atau menambah bahan ramuan yang diisytiharkan di dalam borang permohonan tanpa kebenaran bertulis.

### **KESALAHAN SERIUS**

Othman berkata kesalahan serius yang melibatkan syariah dan teknikal boleh menyebabkan sijil halal ditarik balik, antaranya pengesahan status halal oleh autoriti agama yang diiktiraf terhadap produk, bahan ramuan ataupun peralatan yang digunakan.

"Kesalahan syariah lain, penggunaan bahan haram setelah memiliki sijil halal, percampuran atau penyimpanan bahan atau produk halal bersama yang haram, penggunaan peralatan bercampur aduk dengan halal dan haram, memproses haiwan yang tidak sempurna mati dan sembelihan, serta penggunaan alat kejutan sehingga menyebabkan haiwan mati.

"Kesalahan teknikal pula seperti perpindahan premis atau kilang dan perubahan pengurusan dan nama syarikat tanpa maklum, penyembelih tidak memiliki tauliah atau tauliah penyembelih tamat tempoh, membawa masuk bahan haram dan menggunakan bahan terlarang," katanya.

Jika sabit kesalahan tindakan boleh diambil menurut Akta Perdagangan 2011 yang membawa hukuman denda maksimum RM5 juta kepada syarikat, manakala individu, maksimum RM1 juta dan penjara tiga tahun.

Secara amnya pemeriksaan, pemantauan dan penguatkuasaan halal adalah meliputi pengeluar, pengilang produk, pengedar, penjual, pengeluar sub-kontrak, pembungkusan semula, premis makanan, rumah sembelih dan logistik.

-- BERNAMA